

# e-BULETIN **HASiL**

## **HASiL** **SEDIA MEMBANTU ANDA**

HUBUNGI KAMI MELALUI :

- i) HASiL Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara)
- ii) HASiL Live Chat
- iii) Maklum Balas Pelanggan : <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/>
- iv) e-Janji Temu HASiL : <https://janjitemu.hasil.gov.my/>

## 1. BAYARAN BALIK LEBIHAN CUKAI

Piagam Pelanggan HASiL menetapkan tempoh bayaran balik lebih cukai adalah :

- i) 30 hari bekerja selepas penghantaran borang: Bagi Borang Nyata dihantar secara e-Filing;
- ii) 90 hari bekerja selepas penghantaran borang: Bagi Borang Nyata dihantar secara pos atau serahan tangan.

Prosedur pembayaran balik ini tertakluk kepada penerimaan dokumen dan maklumat yang lengkap dalam Borang Nyata.

## 2. ADAKAH ANDA TELAH KEMAS KINI MAKLUMAT PERIBADI?

Sekiranya terdapat perubahan dalam maklumat Profil Diri seperti :

- i) Nombor telefon ;
- ii) Alamat e-mel ;
- iii) Nama dan nombor akaun bank, atau
- iv) Alamat surat menyurat ;

atau anda ingin memasukkan Maklumat Pelepasan dan rebat secara praisi dalam e-borang, sila gunakan sistem e-Kemaskini yang boleh diakses melalui <https://mytax.hasil.gov.my/>.

## 3. PINDAAN CP500

Permohonan meminda amaun ansuran anggaran cukai boleh dibuat dengan menggunakan Borang CP502. Borang yang lengkap perlu dikemukakan ke cawangan yang mengendalikan fail pembayar cukai selewat-lewatnya 30 Jun.

Borang CP502 ini boleh diperolehi di Portal Rasmi HASiL, <https://www.hasil.gov.my> > klik Borang > klik Muat Turun Borang dan pilih Lain-lain Borang.

## 4. BAYARAN CUKAI INDIVIDU

HASiL menyediakan pelbagai saluran pembayaran cukai bagi memudahkan pembayar cukai individu melaksanakan tanggungjawab mereka, antaranya :

- a) Kaunter Pusat Bayaran HASiL (Kuala Lumpur / Kota Kinabalu / Kuching)
- b) Sistem ByrHasil (FPX dan Kad Kredit) : <https://byrhasil.hasil.gov.my>
- c) Bayaran Melalui Ejen Kutipan HASiL :
  - i) Bank yang dilantik
    - Kaunter
    - Portal Perbankan Internet Bank
    - Mesin ATM
    - Tele-Perbankan
    - Mesin Deposit Cek
    - Mesin Deposit Wang
  - ii) Kaunter Pos Malaysia
- d) Pindahan Wang Dari Luar Negara
  - i) Telegraphic Transfer (TT) / Interbank Transfer Giro (IBG) / Electronic Fund Transfer (EFT)
  - ii) Bank Draft
  - iii) e-Telegraphic Transfer : <https://ett.hasil.gov.my/va?lang=MY>

Maklumat lanjut berhubung pembayaran cukai individu boleh diperolehi daripada Portal Rasmi HASiL, [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my) > Individu > Kitaran Cukai Individu > Bayaran.

## 5. SEKATAN PERJALANAN

Sijil Sekatan Perjalanan dikuatkuasakan kepada individu/pengarah syarikat yang mempunyai tunggakan cukai pendapatan, Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) dan cukai syarikat.

Pembatalan atau pelepasan sementara sekatan perjalanan hanya akan diberikan sekiranya langkah berikut diambil :

### Pembatalan Sekatan Perjalanan

Pembayar cukai menjelaskan amaun SEPENUHNYA tunggakan mengikut sijil.

### Pelepasan Sementara

- i) Bayaran minimum 50% daripada amaun dalam perakuan telah dibuat
- ii) Pembayar cukai atau wakil perlu menghubungi cawangan HASiL yang mengendalikan fail pembayar cukai sekurang-kurangnya lima (5) hari sebelum tarikh perjalanan
- iii) Kemukakan surat permohonan yang mengandungi maklumat destinasi, tujuan dan tempoh di luar negara

Surat pelepasan sementara akan dikeluarkan dengan menyatakan tempoh pelepasan sementara yang diberikan.

Pembayar cukai disarankan untuk menyemak status sekatan perjalanan sebelum ke luar negara melalui pautan <https://sspi.imi.gov.my/sspi/>.

Sila hubungi talian berikut sekiranya pembayar cukai dihalang keluar negara :

- i) Ibu Pejabat HASiL : 03-8313 8888 samb. 21539 / 21543 / 21550 / 21494 / 21490 ;
- ii) HASiL Care Line : 03-8911 1000 ;
- iii) HASiL Recovery Call Centre : 03-8751 1000 ; or
- iv) Cawangan HASiL yang mengendalikan fail cukai

Maklumat lanjut berhubung sekatan perjalanan dan waktu operasi talian boleh dirujuk melalui Portal Rasmi HASiL, [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my) > Individu > Lain – Lain > Sekatan Perjalanan.

### WASPADA DENGAN SCAMMER :

HASiL TIDAK AKAN MEMBERI NOMBOR AKAUN BANK BAGI TUJUAN BAYARAN CUKAI PENDAPATAN MELALUI PANGGILAN TELEFON/EMEL/SURAT. SILA GUNAKAN BYRHASIL BAGI BAYARAN CUKAI JIKA BERKAITAN.

**BERHATI-HATI DAN JANGAN TERPEDAYA.**